

ORANG ramai mengerumuni gerai Kementerian Pelajaran untuk melihat Khat Board yang dicipta oleh Abdul Wahab (duduk kiri).

# Transformasi produk Islamik

Lebih 117 produk dan perkhidmatan berkonsepkan Islam diperkenalkan sempena Karnival Inovasi Islam 2010.

Oleh **FATEN SAPHILLA MOHAMED ISA**  
saphilla.isa@kosmo.com

ngan pelajar sekolah tahun enam.

Abdul Wahab mempamerkan ciptaannya itu sempena Karnival Inovasi Islam (KII) Peringkat Kebangsaan 2010 yang berlangsung di Putrajaya awal bulan lalu.

**A**DA sesuatu yang unik pada produk ciptaan seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Datok Keramat 1, Kuala Lumpur, Abdul Wahab Khalid.

Dinamakan Khat Board, inovasi pendidik itu berjaya menarik minat khalayak yang mengerumuni gerainya.

Menurutnya, alat bantu mengajar itu dicipta khas bagi tujuan pembelajaran seni khat di kala-

Hanya menggunakan bahan-bahan kitar semula seperti penutup botol susu, tiang mikrofon, bingkai gambar dan papan putih, fungsi asasnya membolehkan ia digunakan oleh guru mahupun penyarah untuk mengajar mata pelajaran lain seperti lukisan, matematik, paparan objek dan sebagainya.

**BANYAK** hasil inovasi pereka mampu diketengahkan di peringkat antarabangsa.

“Idea untuk menghasilkan alat Khat Board itu timbul selepas saya menghadiri satu Kursus Penulisan Khat Peringkat Kebangsaan di salah sebuah hotel pada tahun 2005.

“Masa itu tiada kemudahan papan hitam mahupun putih untuk saya melakar seni khat. Saya terpaksa melukis satu persatu ayat khat di atas kertas putih dan

membentangkannya kepada penonton,” jelasnya.

Disebabkan itu, Abdul Wahab mula mencipta Khat Board yang boleh memancarkan paparan tersebut dengan bantuan mekanisma projektor.

“Saya hanya perlu melakarnya di atas kertas dan ia boleh terus dilihat oleh pelajar melalui visual yang besar dan jelas,” katanya



**MOHAMAD NORDIN**



**MOHD. SUNAWAN**



PARA pengunjung didedahkan kepada produk dan perkhidmatan yang bercirikan Islam.



KARNIVAL ini juga mempamerkan bakat dan kemahiran dalam bidang khusus seperti kulineri dan fesyen.

“ Saya hanya perlu melakukannya di atas kertas dan ia boleh terus dilihat oleh pelajar melalui visual yang besar dan jelas ”  
 – ABDUL WAHAB

yang hanya memperuntukkan sebanyak RM500 untuk mencipta alat tersebut.

Biarpun Abdul Wahab tidak tersenarai sebagai salah seorang pemenang anugerah Inovasi Islam 2010, namun alat ciptaannya itu mempunyai nilai dan keistimewaan tersendiri, sama seperti banyak produk lain yang dipamer dalam karnival tersebut.

### Berciri kemasyarakatan

“Produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dipilih untuk pameran karnival ini adalah menjurus kepada produk bercirikan kemasyarakatan.

“Ia juga harus memberi manfaat kepada masyarakat dalam konteks Islam, sekali gus dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat mengenai kepentingan budaya inovasi sebagai nilai tambah dalam sistem penyampaian perkhidmatan,” kata Setiausaha Jawatankuasa Induk KII 2010, Mohamad Nordin Ibrahim.

Beliau menambah, penyelidikan produk dan perkhidmatan yang diketengahkan dalam karnival tersebut perlu dilakukan dalam tempoh tiga tahun yang terkini.

Acara yang dianjurkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor itu bukan hanya tertumpu pada produk-produk inovasi.

Ia turut memfokuskan sistem pengurusan dan perkhidmatan inovatif dalam usaha menambah nilai *output*. Dengan kombinasi produk dan perkhidmatan yang berkualiti, ia mampu mentransformasi pembangunan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

Karnival yang julung-julung kali diadakan di Malaysia itu antara lain memperkasakan nama Malaysia sebagai negara Islam contoh di persada dunia.

Berlangsung selama empat hari bermula 5 Ogos lalu, karnival yang bertemakan Inovatif IMalaysia I Ummah itu turut menyampaikan Anugerah Inovasi Islam kepada mana-mana pihak atau institusi yang telah memberi sumbangan besar dalam bidang inovasi Islam.

Terdapat lima kategori bagi anugerah tersebut iaitu Anugerah Inovasi Masjid Mandiri, Anugerah Inovasi Produk Halal, Anugerah Inovasi Pendidikan Islam dan Anugerah Inovasi Kewangan Islam.

### Masjid Mandiri

Mempunyai kekuatan dari aspek pengurusan dan pengimarahannya serta boleh dijadikan penanda aras bagi masjid-masjid lain, Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Johor Bahru, Johor, berjaya dinobatkan sebagai pemenang bagi ka-



**YAAKOB menerima Anugerah Khas Inovasi Islam yang disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.**

### apakata

Saya tidak sangka di Malaysia terdapat ramai pencipta berbakat dan juga pelbagai perkhidmatan yang menjurus pada konteks Islam. Karnival Inovasi Islam 2010 yang dianjurkan sememangnya memberi banyak pendedahan positif kepada masyarakat.

– **FADHILAH SHAHARI, 23, Pembantu Tadbir**



Bagi saya penganjuran Karnival Inovasi Islam 2010 ini memberi peluang kepada para pencipta yang hebat dan berkecayaan untuk

mengetengahkan hasil rekaan mereka kepada masyarakat Malaysia sekali gus kepada masyarakat dunia. Negara kita juga mampu mencipta produk yang setanding dengan negara luar.

– **NURUL AKHMA OMAR, 25, Pembantu Tadbir Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

PROGRAM sebegini seharusnya dianjurkan pada tiap-tiap tahun. Lebih-lebih lagi kesemua produk dan perkhidmatan yang ada menjurus ke arah ciri Islam.

– **MUHAMMAD KAMAL OTHIMAN, 28, Pembantu Tadbir Kementerian Kewangan**



tegori Inovasi Perkhidmatan Institusi Masjid Mandiri.

Menurut Timbalan Pengerusi Masjid Jamek Bandar Baru Uda, Mohd Sunawan Md Som, penganugerahan itu mungkin disebabkan masjid itu diuruskan oleh penduduk sendiri tanpa bantuan daripada kerajaan.

“Masjid ini juga banyak menganjurkan pelbagai aktiviti dan mempunyai kemudahan serta perkhidmatan. Kami menyediakan pusat dialisis, pusat perkembangan seni khat dan jawi, dana bantuan pendidikan, program bazar Ramadan, rakan muda, lawatan sambil belajar serta program membudayakan al-Quran.

“Pusat dialisis yang berada di kawasan masjid ini mempunyai sebanyak 16 mesin dan membantukan seramai 74 orang pesakit. Pesakit hanya perlu membuat bayaran sebanyak RM110 untuk setiap kali rawatan,” katanya.

### Kit kesan babi

Sementara itu, Anugerah Khas Inovasi Islam pula disandang Prof. Dr. Yaakob Che Man yang merupakan Pengerah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

Penilaian dibuat berdasarkan pada hasil idea kreatif beliau dalam penghasilan produk kit pengesanan kandungan babi dalam makanan. Itu me-

rupakan sumbangan yang paling besar dalam bidang hal ehwal Islam.

Beliau juga melakukan pelbagai kajian mengesan kandungan tidak halal pada produk makanan.

Produk pengesanan kandungan babi yang dihasilkan telah menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dalam jangka masa singkat sekali gus membawa nilai tambah yang tinggi dari aspek pemakanan dan ekonomi Malaysia.

Kemenangan Yaakob bukan sahaja disebabkan penghasilan inovasi tersebut, bahkan penglibatan beliau dalam membangunkan Standard Halal yang pertama di dunia sejak tahun 1996.

Bagi kategori Inovasi Pendidikan Islam pula, Khairul Anwar Ramlan dari Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru, Johor, berjaya mengondol anugerah tersebut melalui Portal e-Pendidikan ciptaan beliau.

Khairul yang pernah dianugerahkan sebagai Guru ICT Kebangsaan 2009 itu menghasilkan Portal e-Pendidikan dengan khidmat muat turun seperti nota-nota pembelajaran bank soalan, kertas peperiksaan dan format jawapan. Projek ini juga sangat mesra pengguna kerana aksesnya adalah percuma.

“Ia juga memberi banyak manfaat kepada pelajar untuk menjalani sesi pembelajaran Pendidikan Islam pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada tanpa bantuan guru.

“Pelajar dapat menguji pemahaman mereka terhadap sesuatu topik dengan membuat latihan interaktif dan latih tubi yang berterusan terutamanya apabila hampir musim peperiksaan,” katanya mengenai portal yang telah dibentangkan di Brunei pada bulan Mei 2009.

Dalam pada itu, menurut Ketua Pengerah Jakim, Datuk Wan Mohamad Datuk Sheikh Abdul Aziz, karnival itu bermatlamat memberi mesej kepada masyarakat tentang betapa pentingnya menerapkan budaya inovasi dalam pembangunan, produktiviti dan pengurusan hal ehwal Islam.

“Ia bersesuaian dengan saranan kerajaan yang mengisytiharkan tahun 2010 sebagai tahun inovasi,” jelas beliau.

Wan Mohamad memberitahu, pihaknya mendapat kerjasama pelbagai pihak termasuk kementerian dan jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), badan berkanun, dan Johor Corporation.



LEBIH 117 jenis produk dan perkhidmatan telah dipamerkan sempena karnival ini.